


## BAB TIGA

### AYAT MAJMUK BERKETERANGAN: TAKRIF DAN JENIS-JENIS

#### 3.1. PENDAHULUAN

Ayat majmuk terdiri daripada tiga jenis yang utama iaitu **gabungan**, **pancangan** dan **campuran**. Dalam ayat majmuk pancangan pula, terdapat tiga subjenis yang utama iaitu **relatif**, **komplemen** dan **berketerangan**. Dalam bab ini, malah yang menjadi tajuk perbincangan kajian ini, ialah subjenis ketiga dalam ayat majmuk pancangan iaitu **ayat majmuk berketerangan** atau ringkasnya, **ayat berketerangan (ABk)**.

Rajah ayat majmuk adalah seperti berikut:



Secara umumnya, unsur keterangan dalam BM boleh wujud dalam tiga bentuk utama iaitu:

- a. satu perkataan: Dia ke sini **semalam**.
- b. beberapa perkataan atau frasa: **Sejak MBIM 3 di Pulau Pinang pada Disember 1973**, isu imbuhan telah ditimbulkan.
- c. klausa terikat atau ayat kecil: Dia terus berjuang untuk **menuntut haknya**.

Bentuk (a) dan (b) tidak akan diuraikan dalam kajian ini. Hanya bentuk (c) sahaja yang akan dibincangkan dengan panjang lebar memandangkan kajian ini berkisar padanya.

Harus dinyatakan di sini bahawa unsur keterangan bukan sahaja wujud dalam BM tetapi dalam bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris yang menyebut unsur sedemikian sebagai adverbs iaitu perkataan yang berakhir dengan bentuk -ly seperti **quickly, quietly** atau sebagai adverbials seperti **at home, next week**. Kehadiran unsur keterangan ini bertujuan memberi penjelasan lanjut

mengenai sesuatu tindakan, peristiwa atau proses seperti masa, tempat dan cara.

Beberapa ahli bahasa Barat telah membuat kajian mengenai aspek ini tetapi mereka cenderung menjuruskan tumpuan kepada aspek morfologi unsur keterangan itu iaitu bentuk adverb dan adverbial. Mereka kurang sekali mendalami unsur keterangan daripada segi sintaksis.

Bagaimanapun, kalangan ahli bahasa Barat yang membuat kajian mengenai unsur keterangan ini ialah Fries (1952), Jacobson (1964), Greenbaum (1969), Bartsch (1976), Jupp & Milne (1978), Thomson & Martinet (1980) dan Jackson (1982).

Manakala kalangan ahli bahasa tempatan yang kajian mereka menyentuh unsur keterangan ialah Lutfi Abas & Abdul Razak (1977), Asmah Haji Omar (1980), Sanat Nasir (1985), Liaw Yock Fang (1985) dan Nik Safiah Karim, et al (1987).

### **3.2. TAKRIF**

Terdapat tiga konsep utama yang perlu diperjelaskan terlebih dahulu dalam bab ini. Konsep-konsep itu ialah:

3.2.1. Ayat Berketerangan

3.2.2. Ayat Keterangan

3.2.3. Kata keterangan

#### **3.2.1. Ayat Berketerangan (ABk)**

Apabila Nik Safiah Karim, et al (Tatabahasa Dewan, 1986) membincangkan ayat majmuk yang mengandungi keterangan dalam bentuk ayat, mereka menamakannya ayat keterangan dan selanjutnya mentakrifkan ayat itu sebagai:

"... ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan satu ayat kecil atau lebih yang berfungsi sebagai keterangan predikat" (ms. 112).

Walau bagaimanapun, setelah mengkaji aspek ayat ini, pengkaji mendapati bahawa takrif itu kurang sempurna daripada segi penamaan dan pentakrifannya.

Pengkaji berpendapat bahawa ayat majmuk yang mengandungi satu ayat induk dan sekurang-kurangnya satu ayat kecil yang berfungsi sebagai keterangan predikat sepatutnya dikenali sebagai ayat majmuk berketerangan atau secara ringkasnya ayat berketerangan (ABk). Ini demikian kerana ayat keterangan iaitu tanpa imbuhan ber-pada perkataan "keterangan" itu membawa makna yang berbeza. Ayat keterangan bermakna unsur keterangan dalam bentuk ayat (lihat 3.2.2.) manakala ayat berketerangan bermakna ayat majmuk yang mengandungi unsur keterangan dalam bentuk ayat.

Berikut ialah beberapa contoh ayat berketerangan:

1. Saya tidak berhak malarangnya kerana saya tidak pernah membuat syarat begitu.
2. Manusia menggunakan bahasa untuk menyatakan sesuatu.

3. Kalau kaumahu, kauikut sahajalah aku malam esok.
4. Setelah siap berpakaian, Mat Ail terus turun ke tanah.
5. Kita tidak mungkin dapat menguasai kaedah pembinaan wacana jika kita tidak menguasai bahan untuk mengisi wacana itu.

Pengkaji juga berpendapat bahawa takrif asal ayat berketerangan yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim, et al perlu ditambah dengan perkataan "kepada", "sebelumnya" dan "pada umumnya" iaitu "... satu ayat kecil atau lebih yang berfungsi sebagai keterangan (kepada) predikat (sebelumnya pada umumnya)". Pertambahan ini perlu untuk memperjelaskan takrif tersebut khususnya dalam ayat berketerangan yang mengandungi lebih daripada satu ayat kecil. Dalam ayat berketerangan yang terdiri daripada hanya satu ayat kecil seperti ayat (1) hingga (4) di atas, ayat kecil itu merupakan keterangan kepada predikat ayat induk yang terletak sebelumnya. Perkara itu tidak disangsikan dalam hal tersebut tetapi sekiranya terdapat ayat

berketerangan yang terdiri daripada lebih satu ayat kecil seperti ayat (5) di atas, pembaca mungkin bertanya-tanya predikat manakah yang diterangkan ayat-ayat kecil itu. Keraguan ini akan timbul jika perkataan "sebelumnya" tidak ditambahkan kepada perkataan "predikat" dalam takrif itu. Tetapi jika takrif asal itu dipindah dengan dilengkapkan dengan perkataan-perkataan tambahan itu, seseorang akan mendapati bahawa dalam kes ayat berketerangan yang ada lebih daripada satu ayat keterangan, setiap ayat keterangan itu akan menerangkan predikat yang terletak sebelumnya pada umumnya.

Contohnya ayat (5) di atas sebenarnya dibentuk oleh tiga ayat berasingan (satu ayat induk dan dua ayat kecil) tetapi dikaitkan oleh kehadiran kata keterangan di hadapan setiap ayat kecil itu.

Ayat induk: Kita tidak mungkin dapat menguasai kaedah pembinaan wacana.

Ayat kecil (i): Kita tidak menguasai bahan.

Ayat kecil (ii): (Kita) mengisi wacana itu.

Kata hubung pancangan (i): jika

Kata hubung pancangan (ii): untuk.


Berdasarkan takrif pindaan itu, kita akan mendapatkan bahawa  $K \text{ Hub Panc} i + A_{2i}$  menerangkan predikat  $A_1$ , manakala  $K \text{ Hub Panc} ii + A_{2ii}$  menerangkan predikat  $A_{2ii}$ .

Untuk memperjelaskan hujah ini, pengkaji menurunkan penganalisisan ayat (5) dalam bentuk rajah kurungan dan rajah pohon seperti berikut:

[ Kita tidak mungkin dapat menguasai kaedah pembinaan wacana ] [ [jika] [ kita tidak menguasai bahan ] ]  
 $A_1$   $K \text{ Hub Panc} i$   $A_{2i}$  KET<sub>i</sub>  
[ [ untuk ] [ mengisi wacana itu ] ]  
 $K \text{ Hub Panc} ii$   $A_{2ii}$  KET<sub>ii</sub>

## Rajah pohon struktur dalaman


(a)



Aplikasi Tpg-FN<sub>sub</sub> menghasilkan (b) seperti berikut:

Rajah pohon struktur permukaan

(b)




Sebagai rumusan, takrif ABK yang dipinda adalah seperti berikut:

"Ayat Berketerangan ialah ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan sekurang-kurangnya satu

ayat kecil yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat sebelumnya pada umumnya dan dipancangkan kepada ayat sebelumnya oleh kata keterangan."

Rajah pohon umum ayat berketerangan



### 3.2.2. Ayat Keterangan (A<sub>2</sub>)

Ramai ahli bahasa kurang sedar mengenai unsur perbezaan antara ayat berketerangan dan ayat keterangan hinggakan sering saling tukar-mertiukar seolah olah ayat berketerangan sama maksudnya dengan ayat keterangan

walhal ini tidak tepat sama sekali. Ayat berketerangan pada umumnya merupakan ayat majmuk yang mengandungi unsur keterangan dalam bentuk ayat (lihat 3.2.1. untuk takrif ayat berketerangan yang diubahsuai) manakala ayat keterangan merupakan unsur keterangan dalam bentuk ayat yang terdapat dalam ayat berketerangan. Ayat keterangan dalam contoh-contoh ayat berketerangan dalam 3.2.1. ialah:

- 1a. ... saya tidak pernah membuat syarat begitu.
- 2a. ... ( ) menyatakan sesuatu.
- 3a. ... kaumahu, ...
- 4a. ... ( ) siap berpakaian, ...
- 5a. ... kita tidak menguasai bahan ... ( ) mengisi wacana itu.

Dengan itu, ayat keterangan sebenarnya merupakan ayat atau ayat-ayat kecil yang menerangkan konstituen predikat sebelumnya. Menurut Jackson (1982:91):

"Adverbial clause ... gives circumstantial

information about an action or event, that is information about time, place, manner, etc..."

Ayat atau ayat-ayat kecil ini tidak termasuk dalam tubuh ayat induk tetapi dipancangkan kepadanya oleh kata keterangan (lihat 4.2.3.) seperti kerana, untuk, kalau, setelah dan jika...untuk masing-masing dalam contoh ayat berketerangan (1), (2), (3), (4) dan (5).

Dengan itu, jika sekalipun ayat keterangan dikeluarkan daripada ayat berketerangan, penggugurnya tidak akan menjaskani makna atau binaan ayat induk dalam ayat berketerangan itu. Berikut ialah ayat induk dalam ayat-ayat berketerangan dalam 4.2.1.:

- 1b. Saya tidak berhak melarangnya.
- 2b. Manusia menggunakan bahasa.
- 3b. Kauikut sahajalah aku malam esok.
- 4b. Mat Ail terus turun ke tanah.
- 5b. Kita tidak mungkin dapat menguasai kaedah pembinaan wacana.

Biarpun pengguguran ayat keterangan tidak menjaskankan makna atau binaan ayat induk, proses itu seolah-olah menjadikan ayat induk berkenaan kurang lengkap. Ini disebabkan oleh sifat ayat keterangan yang memberi keterangan lebih kepada predikat sebelumnya.

Walau bagaimanapun, ayat keterangan bukan hanya bersifat memberi keterangan lanjut tetapi bersifat saling berhubungan seperti menurut Jackson (1985:92):

"... it's not a case of (only) adding circumstantial information about an action or event but ... of setting two actions or events in relationship to each other: one is conditional on the other and each event is represented by a different clause."

Contoh:

5. Kemarahan Ngah Seman kian menurun walaupun wajah Harun masih berdiri dalam kepalanya.

Apabila klausa keterangan walaupun ... dalam kepalanya dalam ayat berketerangan itu digugurkan, ayat induk **Kemarahan Ngah Seman** kian menurun masih boleh berdiri sebagai ayat yang sempurna kerana mempunyai subjek **Kemarahan Ngah Seman** dan predikat kian menurun.

Walau bagaimanapun, pengguguran klausa keterangan itu akan menafikan kita maklumat tertentu seperti kepada siapa kemarahan Ngah Seman ditujukan.

Berbekalkanuraian ini, boleh disimpulkan bahawa ayat kecil (ayat keterangan) dalam ayat berketerangan bukan hanya bersifat memberi keterangan lanjut tetapi juga saling berhubung kait dengan ayat induk.

Bilangan ayat keterangan dalam ayat berketerangan tidak terhad. Sesebuah ayat berketerangan boleh mengandungi satu ayat keterangan atau lebih (lihat takrif ayat berketerangan dalam 3.2.1.).

Kedudukan ayat keterangan pula tidak tetap iaitu boleh hadir di hadapan atau di belakang atau di hadapan

dan belakang ayat berketerangan. Contoh ayat berketerangan yang terdiri daripada lebih satu ayat keterangan adalah seperti berikut:

7. Proses penggandaan bahasa Melayu telah dipergunakan juga [ untuk mencipta istilah ]<sup>KETi</sup> [ bagi menampung keperluan peristikahan bahasa Melayu tinggi. ]<sup>KETii</sup>
8. [ Oleh kerana tidak mengetahui geografi ],<sup>KETi</sup> penterjemah telah membuat kesalahan [ dalam menterjemahkan perkataan tersebut. ]<sup>KETii</sup>
9. Dia sendiri sudah lapan tahun menganggur [ setelah graduate ].<sup>KETi</sup> [ kerana dicurigai ]<sup>KETii</sup> [ akibat bersikap radikal pada zaman mahasiswa. ]<sup>KETiii</sup>

### 3.2.3. Kata Hubung Pancangan (K Hub Panc)

Unsur yang menghubungkan ayat induk dengan ayat keterangan dalam ayat berketerangan dikenali dengan pelbagai nama seperti sendikata penambat (Za'ba, 1953, Arbak Othman, 1981), preposisi (Pitsamai Intarachat, 1982), kata hubung (Liaw Yock Fang, 1985, Nik Safiah

Karim, et al, 1987) dan penghubung subordinatif (Sanat Nasir, 1985). Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa istilah yang lebih sesuai dan tepat digunakan untuk menyatakan unsur tersebut ialah kata hubung pancangan (K Hub Panc).

Di antara contoh kata hubung pancangan ialah **untuk**, **apabila**, **kerana**, **sehingga**, **sebagaimana**, dan **dengan**. Kadangkala kata keterangan diimbuhkan dengan unsur penegas -lah seperti **kalaullah** dan **sehinggalah**.


Kedudukan kata hubung pancangan adalah tetap dalam ayat berketerangan. Unsur itu tidak dapat hadir di tempat lain kecuali di pangkal ayat keterangan. Kehadirannya berperanan besar kerana menentukan makna ayat keterangan berkenaan lantaran jenis ayat berketerangan yang dihasilkan (lihat 3.3.). Oleh kerana ini, kata hubung pancangan merupakan unsur wajib dalam ayat berketerangan (lihat 4.2.1 --- proses pengguguran).

### **3.3. JENIS-JENIS AYAT BERKETERANGAN**

Daripada kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa jenis-jenis ayat berketerangan yang dihasilkan itu bergantung kepada jenis-jenis kata hubung pancangan yang digunakan, yang seterusnya menentukan makna ayat keterangan berkenaan dan secara keseluruhannya jenis ayat berketerangan yang dilahirkan. Sehubungan ini, hasil daripada pengumpulan data ayat berketerangan yang dibuat, pengkaji menjumpai lapan jenis ayat berketerangan yang utama dalam BM iaitu:

- 3.3.1. ayat berketerangan masa
- 3.3.2. ayat berketerangan syarat
- 3.3.3. ayat berketerangan tujuan/harapan
- 3.3.4. ayat berketerangan sebab-akibat
- 3.3.5. ayat berketerangan gaya/cara
- 3.3.6. ayat berketerangan pertentangan
- 3.3.7. ayat berketerangan perbandingan
- 3.3.8. ayat berketerangan perhinggaan

Dalam bahagian ini, pengkaji hanya akan menurunkan serta menghuraikan jenis-jenis ayat berketerangan dalam binaan dasar  $A_1 + K$  Hub Panc +  $A_2$  serta rajah pohon ayat berkenaan untuk memperjelaskan binaannya. Rajah pohon bagi contoh ayat dalam bahagian ini boleh digambarkan secara umum seperti berikut:



Binaan-binaan ayat berketerangan yang lain iaitu yang mengalami proses transformasi (pengguguran dan penyusunan semula) tidak akan disentuh di sini tetapi akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab 4).

### 3.3.1. Ayat Berketerangan Masa


Ayat berketerangan masa merupakan ayat majmuk yang keterangannya mengandungi unsur masa untuk menjelaskan

lagi predikat ayat induk. Ayat berketerangan ini ditandai oleh kehadiran kata hubung pancangan yang membawa makna masa di pangkal ayat keterangan. Di antara kata hubung pancangan masa yang biasa digunakan dalam bahan-bahan kajian rujukan pengkaji ialah **semasa**, **sebelum**, **setelah**, **sewaktu**, **selama**, **selepas**, **semenjak**, **sejak**, **bila**, **apabila**, **katika**, **dalam** dan **se** + KK + nya seperti **sekembalinya** dan **setibanya**.

Berikut ialah contoh-contoh ayat berketerangan masa dengan rajah pohonnya:


10. [ Semua kanak-kanak mengalami proses penerimaan ]<sub>A<sub>1</sub></sub>  
[ [ sejak ] [ mereka lahir ] ]  
K Hub Pang                                    A<sub>2</sub> KET

## Rajah sebab



11. [ Kejayaan itu berlaku ] <sub>A1</sub> [ [ semasa ] [ dia  
menuju ke jalan kejayaannya ] ]  
<sub>A2</sub> <sub>KET</sub>


## Rajah pokok



12. [ Misa memulakan sindirannya suatu hari ]  $A_1$


[ [ ketika ] [ mereka dalam dewan  
K Hub Pang  
kuliah ] ]  
 $A_2$  KET

## Rajah pohon



13. [ Anak-anak Tukpiah marah ], [ apabila ]  
       [ Tukpiah terkedek-kedek ke telaga bukit seorang  
       diri ]     ]  
       A2     KST

## Rajah pohon




### 3.3.2. Ayat Berketerangan Syarat

Ayat berketerangan syarat akan memuatkan sekurang-kurangnya satu ayat keterangan yang membawa pengertian syarat iaitu dicirikan dengan kata hubung pancangan syarat seperti kalau, jika, sekiranya dan jikalau.

Berikut diberi contoh-contoh ayat berketerangan syarat serta rajah pohnnya:

14. [ Dia bimbang ] [ [ jika ] [ Harun ingin  
membalas dendam terhadapnya ] ]  
A1 K Hub Panc  
A2 KET

## Rajah pohon



### 3.2. Ayat Berketerangan Syarat

Ayat berketerangan syarat akan memuatkan sekurang-

kurangnya satu ayat keterangan yang membawa pengertian

syarat iaitu dicirikan dengan kata hubung pancangan


syarat seperti kalau, jika, sekiranya dan jikalau.

Perikut diikuti contoh-contoh ayat berketerangan syarat

dari rajah pokohnya:

- [ Dia bimbang ] [ [ jika ] [ Harun ingin  
membalas dendam terhadapnya ] ] ]  
 A1 KHubPang  
 A2 KET

## Analisis strukturnya




IS. [ Kita tidak dapat mengatakan sesuatu itu

persegi ] [ [ jika ] [ bahasa kita tidak  
A<sub>1</sub> K Hub Pang

ada bentuk persegi ] ]


A<sub>2</sub> KGT

## Pajah pohon




6. [ Dia tidak takut kepada cermin ] <sub>A<sub>1</sub></sub> [ kalau ] <sub>K Hub Panc</sub>  
[ wajahnya tidak ada di situ ] <sub>A<sub>2</sub></sub> [ KET ]

Rajah pohon



17. [ Cermin bukan cermin ] <sub>A<sub>1</sub></sub> [ [ kalau ] <sub>K Hub Panc</sub> ia  
membohongi kita ] <sub>A<sub>2</sub></sub> KET

## Rajah pohon



statan: Kebanyakan ayat berketerangan syarat yang terdapat dalam bahan-bahan kajian pengkaji menggunakan jika dan kalau sebagai kata hubung pancangan. Tetapi ini tidak bermakna kata hubung pancangan syarat terbatas kepada dua jenis ini sahaja. Berikut ialah beberapa ayat berketerangan syarat yang menggunakan bentuk kata hubung pancangan syarat yang lain.

18. Mereka akan ke sini sekiranya ibu mereka mengizinkan.
19. Kita akan bertahan bersungguh-sungguh andaikata mereka menyerang.
20. Kita ada bertemu kembali jikalau ada umur.


Rajah pohon untuk (18) hingga (20) serupa dengan rajah pohon bagi contoh-contoh ayat berketerangan syarat yang lain di atas.

### 3.3.3. Ayat Berketerangan Tujuan/Harapan

Ayat keterangan dalam ayat berketerangan tujuan/harapan menimbulkan tujuan/harapan sesuatu perkara itu berlaku/dilakukan. Ayat keterangan ini ditandai oleh kata hubung pancangan yang berunsurkan tujuan seperti untuk, bagi atau harapan seperti supaya, moga-moga, kalau-kalau. Berikut diturunkan contoh-contoh ayat berketerangan berkenaan serta rajah pohnnya:

21. [ Kamu perlu meminta doa pada Tuhan ]<sub>A<sub>1</sub></sub>  
[ [ supaya ] [ fikiranmu sentiasa  
K Hub Pang  
tenang ] ]<sub>A<sub>2</sub></sub> KET

## Kajah pohon



**Datatan:** Kebanyakan ayat berketerangan syarat yang terdapat dalam bahan-bahan kajian pengkaji menggunakan jika dan kalau sebagai kata hubung pancangan. Tetapi ini tidak bermakna kata hubung pancangan syarat terbatas kepada dua jenis ini sahaja. Berikut ialah beberapa ayat berketerangan syarat yang menggunakan bentuk kata hubung pancangan syarat yang lain.

18. Mereka akan ke sini sekiranya ibu mereka mengizinkan.
19. Kita akan bertahan bersungguh-sungguh andaikata mereka menyerang.
20. Kita ada bertemu kembali jikalau ada umur.


Rajah pohon untuk (18) hingga (20) serupa dengan rajah pohon bagi contoh-contoh ayat berketerangan syarat yang lain di atas.

### 3.3.3. Ayat Berketerangan Tujuan/Harapan

Ayat keterangan dalam ayat berketerangan tujuan/harapan menimbulkan tujuan/harapan sesuatu perkara itu berlaku/dilakukan. Ayat keterangan ini ditandai oleh kata hubung pancangan yang berunsurkan tujuan seperti **untuk**, **bagi** atau harapan seperti **supaya**, **moga-moga**, **kalau-kalau**. Berikut diturunkan contoh-contoh ayat berketerangan berkenaan serta rajah pohnnya:


21. [ Kamu perlu meminta doa pada Tuhan ]  
[ [ supaya ] [ fikiranmu sentiasa  
K Hub Pang  
tenang ] ]  
A<sub>2</sub> KET

## Rajah pohon




22. [ Sarjana ekonomi telah membina fakulti ekonomi ]  $A_1$   
[ untuk ] [ fakulti ekonomi melatih pakar  
ekonomi ] ]  
 $A_2$  KET

## Rajah pohon




23. [ Ahli linguistik memerlukan pendekatan pelbagai disiplin ] [ bagi ] [ usaha memantapkan teori linguistik ] ]  
A1    KET  
  K Hub Panc

## Rajah pohon




24. [ Dia ke Sungai Galas ] <sub>A<sub>1</sub></sub> [ [ kalau-kalau ]  
[ suaminya masih lagi berada di sana ] <sub>A<sub>2</sub></sub> ]  
K Hub Panc  
KET

### Rajah pohon



## Rajah pohon



26. [ Badannya semakin kurus ]  $A_1$  [ [ kerana ]  
[ dia tidak mahu makan ]  $A_2$  ]  $K_{Hub\ Panc}$


### 3.3.4. Ayat Berketerangan Sebab-akibat

Ayat berketerangan sebab-akibat ialah ayat majmuk yang ditandai oleh kata hubung pancangan sebab-akibat seperti **kerana**, **sebab**, **lantaran**, **disebabkan**, **memandangkan** dan **oleh kerana** dalam klausa keterangannya.

Contoh-contoh ayat berketerangan sebab-akibat serta rajah pohonnya adalah seperti berikut:


25. [ Imbuhan merupakan item baharu bagi pelajar-pelajar ini ] [ memandangkan ] [ bahasa ibunda masing-masing tiada imbuhan ] ]  
A<sub>1</sub> K Hub Pang  
A<sub>2</sub> KET

## Rajah pokon




27. [ Mesin ini mesin perpuluhan ]  $A_1$  [ [ sebab ]  
[ ia menggunakan sistem nombor perpuluhan ] ]  $A_2$  KET  
K Hub Panc

## Pajah pohon



28. [ Linguistik boleh melupakan penyelarasan ]  
[ lantaran ] [ kosa kata bahasa umum tidak  
K Hub Panc  
begitu komprehensif ] ]  
A<sub>1</sub>  
A<sub>2</sub> KET

## Rajah pohon



### 3.5. Ayat Berketerangan Gaya/Cara

Ayat berketerangan gaya/cara yang diperolehi

... pada bahan-bahan kajian kebanyakannya ditindai oleh kata hubung pancangan dengan iaitu kata hubung pancangan yang membawa makna gaya atau cara. Contoh ayat berketerangan gaya/cara serta rajah pohnnya adalah seperti berikut:

[ Guru boleh memulakan kelas ] [ dengan ]


A<sub>1</sub>

K Hub Panc

[ murid bercerita ] ]

A<sub>2</sub> KGT


## Rajah pokon



[ Perbincangan ini akan berpusar pada bahasa Melayu ilmiah ] [ dengan ] [ peserta melihat

aspek morfologinya ] ]  
A<sub>1</sub> KET  
A<sub>2</sub>


## Struktur pohon



11. [ Wanita muda itu pun mara ]  
[ suaminya mendukung anak mereka ]

A1 [ dengan ]  
A2 KET  
K Hub Pang

### Rajah pohon



### 3.3.6. Ayat Berketerangan Pertentangan

Ayat berketerangan pertentangan kurang terdapat dalam bahan-bahan kajian dan hanya sebilangan kecil sahaja yang diperolehi. Hasil penelitian ke atas ayat berketerangan jenis ini, pengkaji mendapati bahawa ayat berketerangan pertentangan ditandai oleh kata-kata hubung pancangan yang membawa makna pertentangan seperti **sungguhpun, sedangkan, walaupun dan biarpun.**


Ayat berketerangan pertentangan biasanya panjang dan makna induknya bertentangan dengan makna ayat

keterangan yang terkandung dalamnya. Ayat berketerangan pertentangan menggambarkan dua keadaan yang bertentangan tetapi berkaitan. Berikut diturunkan contoh-contoh ayat berketerangan pertentangan serta rajah pohnnya:

E Kemarahan Ngah Seman kian menurun ] A<sub>1</sub>


[ [ walaupun ] [ [ wajah Harun masih berdiri  
K Hub Panc  
dalam kepalanya ] ] A<sub>2</sub> KET

### Rajah pohon




73. [ Kita mengambil kira konotasi beberapa  
 perkataan dalam linguistik ] [ sedangkan ]  
 [ gejala ini tidak wujud dalam istilah ] ]  
 A1 K Hub Panc  
 A2 KET

### Pohon pohon



34. [ Gelaran itu masih melekat ] [ [ walaupun ]  
 A<sub>1</sub> K Hub Panc  
 [ dia tidak lagi menjadi penghulu ] ]  
 A<sub>2</sub> KET

### Rajah pohon




### 3.3.7. Ayat Berketerangan Perbandingan

Bilangan ayat berketerangan perbandingan yang dijumpai dalam bahan-bahan kajian adalah terhad. Di antara kata hubung pancangan perbandingan yang diperolehi ialah *bagai*, *bagaikan*, *sebagai*, *macam*, *seolah-olah*, dan *seakan*.

Dalam ayat berketerangan perbandingan, ayat induk dan ayat keterangan merupakan perbandingan antara satu sama lain dan dihubungkaitkan oleh kata hubung pancangan perbandingan. Contoh-contoh ayat berketerangan perbandingan dan rajah pohnnya adalah seperti berikut:

15. [ Dia ingin menasihati Misa ]  
[ [ sebagaimana ] [ Misa pernah menasihatinya  
dahulu ] ]  
A<sub>1</sub> KET  
KHubPanc

Pajah pohon:




34. [ Dia berdiri berjurus-jurus lamanya ]  $A_1$


[ [ seolah-olah ] [ suara-suara itu terlalu asing  
k Hub Panc ] ]

baginya ] ]  
 $A_2$  KET

## Rajah pohon



### Rajah pohon




### 3.8. Ayat Berketerangan Perhinggaan

Ayat berketerangan perhinggaan berbeza daripada ayat berketerangan masa kerana ayat berketerangan masa menyatakan satu titik masa manakala ayat berketerangan perhinggaan merujuk kepada satu deretan masa ataupun kejadian. Di antara kata hubung pancangan perhinggaan yang digunakan ialah **hingga**, **sehingga**, **selagi** dan **sampai**. Berikut ialah contoh-contoh ayat berkenaan dan rajah pohnnya:


38. [ Aku perlu mendalaminya terlebih dahulu ]<sub>A<sub>1</sub></sub>  
 [ [ sehingga ] [ aku yakin pada diri  
 sendiri ] ]  
<sub>A<sub>2</sub></sub> KET<sub>K Hub Panc</sub>

Rajah pohon




39. [ Badannya agak letih semalam ]<sub>A<sub>1</sub></sub>  
 [ [ sampai ] [ tidurnya pun tidak separuh  
 mati ] ]  
<sub>A<sub>2</sub></sub> KET<sub>K Hub Panc</sub>

## Rajah Pohon



40. [ Dia akan bersuara lagi ]  
[ sehingga ]  
[ hatinya puas ]  
[ ]  
A1      A2      KET  
K Hub Panc

### Rajah pohon



### 1. KESIMPULAN

Bab ini menjuruskan kepada bidang pentakrifan dan pengjenisan ayat berketerangan. Daripada segi pentakrifan, pengkaji telah membahagikan penelitian kepada tiga perkara:

ayat berketerangan

ayat keterangan

kata hubung pancangan

**Ayat Berketerangan:** Takrif asal ayat berketerangan yang dikemukakan oleh beberapa orang ahli bahasa didapati kurang lengkap. Takrif ayat berketerangan yang disyorkan ialah ayat berketerangan ialah ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan sekurang-kurangnya satu ayat kecil yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat sebelumnya pada umumnya dan dipancangkan kepada ayat sebelumnya oleh kata hubung pancangan (lihat 3.2.1.)

**Ayat Keterangan:** Ramai ahli bahasa lazimnya menggunakan istilah ayat berketerangan dan ayat keterangan secara saling berganti walhal di antara kedua-duanya wujud unsur perbezaan. Ini demikian kerana ayat keterangan ialah unsur keterangan yang berbentuk ayat yang pada umumnya berfungsi menerangkan konstituen predikat yang terletak sebelumnya di dalam sesebuah ayat berketerangan. Ayat keterangan juga saling berhubungan dengan ayat induk dan sesebuah ayat berketerangan mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu ayat keterangan. Kedudukan

**ayat keterangan dalam ayat berketerangan tidak tetap**  
**(lihat 3.2.2).**

**Kata Hubung Pancangan:** Kata keterangan merupakan unsur yang memerangkapkan ayat keterangan kepada ayat induk dalam ayat berketerangan atau ayat keterangan kepada ayat keterangan dalam ayat berketerangan yang ada lebih daripada satu ayat keterangan. Kata hubung pancangan merupakan unsur wajib dalam ayat berketerangan kerana menentukan jenis-jenis ayat berketerangan yang dilahirkan. Kedudukan kata hubung pancangan dalam ayat berketerangan adalah tetap iaitu di pangkal ayat keterangan.

**Penjenisan** ayat berketerangan pula ditentukan oleh kata hubung pancangan yang hadir di dalamnya. Daripada penganalisisan data, didapati bahawa terdapat lapan jenis ayat berketerangan yang utama dalam BM iaitu:

ayat berketerangan masa  
ayat berketerangan syarat

- . ayat berketerangan tujuan/harapan
- . ayat berketerangan sebab-akibat
- . ayat berketerangan gaya/cara
- . ayat berketerangan pertentangan
- . ayat berketerangan perbandingan
- . ayat berketerangan perhinggaan.